

7.3.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

KERJA-KERJA AIR DI LEMBAH PERMAI & HILLSIDE BERJAYA DISELESAIKAN

Jumaat, 6.3.2026	
5.00 pagi	4 projek PBAPP selesai.
5.00 pagi – 11.00 pagi	Bekalan air dipulihkan secara berperingkat untuk kira-kira 9,000 pengguna air yang terjejas.
12.45 tengah hari	Bekalan air telah disahkan kembali normal bagi semua pengguna yang terjejas.

PULAU PINANG, Sabtu, 7.3.2026: PBAPP telah berjaya menyelesaikan empat (4) projek kerja-kerja air yang berkaitan dengan Loji Rawatan Air (LRA) Guillemard di Tanjung Bungah semasa Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) semalaman daripada pukul 10.00 malam pada 5.3.2026 hingga 10.00 pagi pada 6.3.2026.

Empat projek tersebut adalah:

• Sepanjang Jalan Lembah Permai di Tanjung Bungah:		
1.	Penggantian injap 600mm yang rosak	Berhampiran Vale of Tempe
2.	Pemasangan satu injap tambahan berdiameter 600mm	
3.	Penggantian injap kedua 600mm yang rosak.	Jalan menuruni cerun kolam air Guillemard
• Di saluran paip Vale of Tempe:		
4.	Pemasangan injap baharu 600mm bagi menambah baik pengurusan NRW	

Semua projek telah disiapkan pada pukul 5.00 pagi pada 6.3.2026, iaitu tempoh yang ditetapkan untuk SWSI.

Projek-projek ini memerlukan henti tugas sementara Loji Rawatan Air (LRA) Guillemard. Sepanjang tempoh henti tugas itu, PBAPP turut mengambil peluang untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin di LRA berkenaan.

Bermula 5.00 pagi hingga 11.00 pagi, bekalan air dipulihkan secara berperingkat kepada kira-kira 9,000 pengguna air yang terjejas, terutamanya di kawasan kejiranan Lembah Permai dan Hillside. Pada 12.45 tengah hari, kakitangan PBAPP telah mengesahkan bahawa perkhidmatan bekalan air di semua kawasan yang terjejas telah kembali normal sepenuhnya.

Manfaat Utama

PBAPP telah melaburkan RM117,694 untuk menyiapkan 4 projek semasa SWSI Lembah Permai–Hillside 2026. Manfaat utama projek-projek ini adalah seperti berikut:

- Mengelak berulangnya insiden pada 18.1.2026 (kerosakan kotak gear pada injap air di saluran paip 600mm yang menyebabkan kira-kira 2,200 pengguna air terputus bekalan selama kira-kira 19 jam);
- Perkhidmatan bekalan air yang lebih stabil dan dipertingkatkan di kawasan bekalan LRA Guillemard melalui penambahbaikan kawalan tekanan bekalan air terawat; dan
- Pengurusan NRW yang lebih baik di LRA Guillemard.

Perlu dimaklumkan bahawa:

- a. LRA Guillemard berkapasiti 80 juta liter sehari (JLH) merupakan sebuah LRA warisan yang telah membekalkan air kepada pengguna di kawasan berkenaan selama 85 tahun, iaitu sejak tahun 1941. LRA ini telah dinaik taraf pada tahun 1998. Sumber utama air mentah bagi loji ini ialah Kawasan Tadahan Air Batu Ferringhi dan Empangan Teluk Bahang.
- b. Kawasan perkhidmatan Kolam air Guillemard merangkumi TAR UMT Cawangan Pulau Pinang dan Prince of Wales Island International School; beberapa hotel tepi pantai (termasuk Hompton By-the-Sea, M Social Resort dan Rainbow Paradise Beach Resort); serta pusat makanan dan minuman popular di kawasan kejiranan (Hillside Food Court, Permai Village dan Uniqlo Tree Square).
- c. Beberapa projek pembangunan kediaman baharu dan pembangunan bercampur juga akan dilaksanakan di kawasan perkhidmatan Kolam air Guillemard.

Penerima manfaat secara langsung daripada kerja-kerja air yang berkaitan dengan LRA Guillemard ini ialah semua pengguna air di kawasan perkhidmatan loji ini, termasuk penduduk serta perniagaan pada masa hadapan.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang dialami berikutan SWSI semalaman ini. Kami menghargai pemahaman dan kerjasama semua pengguna yang terjejas.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my